

# Peluang siswa peroleh maklumat

**MAHASISWA** Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai peluang pekerjaan sebelum bergelar graduan menerusi Program Zon Pembabitan Industri TalentCorp (Ind-E-Zone) yang baru dilancarkan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, program yang berpusat di Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat, UMP Gambang itu adalah kerjasama strategik bersama Talent Corporation Malaysia (TalentCorp).

Menurutnya, program tersebut turut memberi peluang kepada pihak industri menyalurkan maklumat tepat termasuk berkaitan ciri-ciri pekerja yang diperlukan dan peluang kerjaya.

"Selain membantu pelajar meneroka bidang kerjaya, program ini menjadi medan utama pihak industri untuk cari bakat baharu dalam pelbagai bidang."

"Ind-E-Zone bermatlamat membimbing mahasiswa dan bakal graduan membuat persediaan untuk melangkah ke alam pekerjaan sekali gus meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Karnival Kerjaya UMP di Gambang, baru-baru ini.



Daing Nasir (tiga, kanan), bersama pelajar UMP yang dilantik oleh TalentCorp sebagai jurucakap.